



# Pertandingan karaoke di Pesta Konvo USIM

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 bagi pemenang pertandingan karaoke sempena Pesta Konvokesyen USIM 2011 yang akan berlangsung di Stadium Tertutup Nilai pada 3 dan 4 Disember ini.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan USIM hari ini, pemenang tempat kedua pula akan membawa pulang wang tunai RM800 manakala tempat ketiga RM500.

“Hadiah sagu hati RM100 turut disediakan. Bayaran RM5 akan dikenakan untuk menyertai pertandingan itu,” menurut kenyataan itu.

Saringan peserta akan diadakan pada 3 Disember ini dari pukul 2 hingga 6.30 petang manakala peringkat akhir keesokan harinya mulai pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat mengenai pertandingan itu boleh menghubungi Yom Ahmad di talian 03-89243934 atau Dino di talian 03-92210203.